



We will be conducting system maintenance from 21 Feb, 10pm to 22 Feb, 9am. Patrons will not be able to use NLB's digital services during this period.

Ambil peluang lawatan perkenal silat, takraw

Berita Harian, 23 October 1996, Page 13

Article also available on Microfilm Reel NL20824

Printer-Friendly Page

Ambil peluang lawatan perkenal silat, takraw

Pegawai Persisi, Perses sertai rombongan ke Jepun

IBARAT sambil menyelim sambil minum air.

Itulah yang cuba dilakukan oleh Yahya Zakaria dan Jamaludin Jamil apabila kedua-duanya mengikuti Lawatan Projek Kajian Untuk Pemimpin Pemimpin Sukan Belia Asia di Jepun mulai hari ini hingga 31 Oktober ini.

Kedua-duanya adalah antara 10 pegawai sukan dari Singapura yang terpilih untuk mengikuti lawatan itu yang turut disertai oleh 90 peserta daripada sembilan buah negara.

Lapan peserta lain ialah Jerry Tan, Mohamed Ihsan, Wee Tui Yong, Yip Keng Heong, Tan Say-Aun, Leong Ai Lai, Nalpon Julianna dan Ipoy Ngak Kee.

Antara tujuan lawatan itu ialah untuk meninjau kegiatan-kegiatan sukan di peringkat belia di Jepun dan melihat aedah-kaedah terbaru dalam meningkatkan taraf kecergasan dalam sukan.

Dan, antara program lawatan tersebut ialah menyak-

sikan perlawanan antara Yokohama Marinos dengan Kashima Antlers dalam Liga J.

"Tetapi jika ada peluang, saya akan cuba memperkenalkan silat di tempat-tempat yang akan saya lawati. Malah, saya juga akan cuba perkenalkan kepada para peserta negara lain," kata Jamaludin, Setiausaha Persekutuan Silat Singapura (Persisi).

Bagi Yahya, Bendahari Persekutuan Sepaktakraw Singapura (Peses), beliau juga akan cuba memperkenalkan sukan sepaktakraw kepada belia Jepun sekalipun sukan itu telah dimainkan di negara tersebut.

Berusia 39 tahun, Jamaludin yang juga guru silat menambah: "Saya akan menunjukkan buku, gambar-gambar dan juga video tentang silat di kalangan para peserta, umpamanya dari China dan Jepun yang tidak begitu kenal tentang sukan silat.

"Dulu, Jepun mempunyai


pesilat. Mereka pernah mengiriskan seorang pesilat untuk menyertai Kejohanan Undangan Singapura dalam 1988.

"Jika ada peluang, saya tidak keberatan untuk memperlihatkan langkah silat di tempat yang akan kami lawati dan juga kepada para peserta nanti," jelas Jamaludin, yang telah membawa pakaian silat untuk ke sana.

Yahya, yang bergiat dengan sepaktakraw sejak 1988 dan menjadi pegawai Persekutuan yang ketiga untuk mengikuti lawatan itu selepas Abdul Halim Kader dan Ahmad Dawan memberitahu:

"Tidak semua negara yang menyertai lawatan ini tahu tentang sepaktakraw seperti Taiwan dan Hongkong.

"Saya ada membawa bola takraw, pita dan juga buku tentang undang-undang sepaktakraw yang boleh dibahagi-bahagikan kepada mereka yang ingin tahu lebih lanjut tentang sukan ini."



INGIN PERLUAS BUDAYA MELAYU: Yahya Zakaria (kiri) dan Jamaludin Jamil merancang untuk memperkenalkan sepaktakraw dan silat di Jepun nanti. — Gambar oleh JOHARI RAHMAT.